

Apabila cita-cita merdeka masih dalam awang-awang perkara pemuda Johor, barangkali kerana mengukur tenaganya lalu menyeru supaya masing-masing ahli-ahli UMNO sembahyang hajat meminta supaya dapat merdeka. Syabas! Barangkali baharu bangun dari mimpi. Dahulu bahagian pemuda itu juga untuk kemerdekaan menyeru supaya berani-berani melanggar hukum Tuhan bagi mengadakan loteri dan ada juga di antaranya redha masuk neraka – ini bagaimana? Dahulu mau masuk neraka, sekarang mau kenal Tuhan pula, adakah perbuatan ini sengaja membuat permainan-permainan songlap? Kalau orang muzabab sahaja tidak megapa tetapi mencapik Tuhan sangat buruk padahnya.

* * *

Tidak salahnya kalau ada orang bertanya dan mengsyorkan kepada UMNO bagi sahaja pertubuhan kebangsaan dan jangan pakai agama maka mereka bangkit mengatakan “UMNO itu Melayu, Melayu itu Islam” dan sebab itulah barangkali kalau hidup membanyakkan ahli-ahlinya di kampung-kampung nama Islam dijual (yakni ada bahagian agamanya untuk mengabui mereka itu). Jadi kalau ada faedah jual agama tidak apa dan kalau ada faedah dunia berjudi tidak apa dan kalau ada faedah lain lelaki perempuan bercampur satu sama lain tidak apa, adakah pasar di antara lelaki dengan perempuan tidak mengapa, tetapi kalau masuk kampung akan menggunakan Assalamualaikum serta mengatakan UMNO itu beragama, ada mempunyai cawangan untuk memerhatikan agam tetapi hakikatnya.... mari masuk UMNO, buat apa sahaja suka yang melanggar agam – habis perkara.

* * *

Sekarang terbit pula suatu ura-ura

baharu untuk mengadakan sosial parti antara pemuda dan pemudi! Pemudanya masih darah panas, fikiran singkat, pemudinya pula sebagai bunga yang baharu merkah harum baunya tetapi tak berduri. Kalau keadaan ini dicampurkan di dalam sosial sudah

tentu ramai-ramai pergi dancing umpamanya! Balik sama-sama, ramai-ramai – ini permulaannya – kemudian dua sama dua – alhamdulillah siapa dua sama dua itu: kemudian dua sama dua itu berpisah satu sama satu (sepasang). Sebahagian di bawah pokok, dan sebahagian pula di tepi batu. Konon-kononnya untuk mencurahkan perasaan hati yang didapatinya di dalam sosial tadi. Kemudian berdua berjalan berganding dan kebiasaannya mengikut sosial Barat, pemuda mesti menghantarkan balik pemudi itu ke pintu rumahnya dan berceloteh seketika, habis itu memberi kod na’it “K”

K yang pertama pada lazimnya jatuh di dahi; K yang kedua jatuh ke pipi dan yang akhir sekali tepat, terus melompat, dan terus merapat, dada terus melekat. Fikiran pun jadi fapah....kesudahannya tidak terfikir lagi apa yang datang bunn.... pun jadi tak bun n.....

pun jadi iatu natijah dari *i love you*. Kalau jadi bun n n

..... pergilah mereka kepada “kadi palsu” menikahkan orang di dalam bunnnn yang tak boleh nikah dan kalau tak jadi bun n n.....

kay pun berpanjangan terus. Kalau orang-orang tua mereka katakan

kuno kolot dan dan dan.

* * *

Di dalam perjumpaan wakil perempuan Radio Malaya kepada seorang guru di Singapura maka terzhahir bahawa di dalam sekolah-sekolah perempuan Melayu telah diajarkan “*dancing*”. Wakil Radio Malaya bertanya beberapa kali, *dancing* macam mana? Cikgu perempuan itu menjawab: “Lain daripada *dancing* yang ada. “Dengan itu kita pun hairan *dancing* macam mana? Adakah nanti dan *dancing-dancing* yang diajarkan itu “berguna” kepada khayalak ramai? Atau adakah pelajaran-pelajaran yang semacam itu ditujukan untuk punca supaya di dalam ruh anak-anak gadis kita tertanam perasaan gemar kepada “*social club*” pemuda dan pemudi yang sedang digalak-galakkan itu untuk meruntuhkan akhlak dan kedudukan orang-orang kita. Kalau begitu terlebih baik kita beringat-ingat sebelum kena.

* * *

Rancangan mengadakan universiti Cina nampaknya jalan terus. Hartawan-hartawan Cina telah menunjukkan kerjasama mereka dan menyediakan berlonggok-longgok wang kerana keperluan itu, sungguhpun McDonald telah menyatakan telah teradat kepada orang-orang British tidak ada dua buah universiti dalam sebuah negeri tetapi tujuan mereka itu tak dapat ditahan. Ini nampaknya satu lagi bentuk yang dikehendaki bagi Malaya merdeka ialah supaya menjadikan adat istiadat mereka itu digunakan di sini berlumba-lumba dengan rancangan memulihkan orang-orang kita cenderung kepada adat istiadat Barat – dengan ini di mana kedudukan orang Melayu?

* * *



KOPI PAHIT

Muslim kolej telah dua tahun berjalan jatuh bangun! Sebab-sebabnya alhamdulillah kerana orang-orang kita belum insaf apa faedahnya kolej itu kepada faedah agama dan tanah air. Yang miskin senyap dan yang kaya pula seorang tunggu seorang yang lain

yang akan dahulu memberi dan akhirnya nanti punya nanti, tunggu punya tunggu kesudahannya terbengkalai – wang terpendam di dalam saku masing-masing. Beginilah keadaannya orang-orang Islam di Malaya – lupa kepada tanggungan mereka atas agama. Yang demikian ini mengingat suatu riwayat kononnya di sebuah negara – sebuah raja hendak menguji ketulusan rakyatnya. Pada masa itu madu lebah sangat mahal dan kerana itu raja memerintahkan supaya pada tengah malam tiap-tiap seorang penduduk negeri itu mestilah membawa secawan madu dan ditaruh di dalam sebuah tempayan yang terletak di tengah-tengah bandar itu. Kemudian seorang penduduk berfikir apakah faedahnya dan kerana itu ia pada malamnya terus pergi ke tempat tempayan itu dengan membawa secawan air – ia berharap biar orang lain yang membawa madu. Keesokan harinya didapati bahawa tempayan itu telah penuh berisi air kerana semuanya orang-orang itu berharap orang lain yang membawa madu. Beginilah riwayat orang-orang kita hendak berderma kepada amal kebajikan berharap orang lain memberi sedang ia bakhil – Cemeti al-Farouk.